

UPSI/PEND/BG1/597(09/11)

21 SEPTEMBER 2011

23 SYAWAL 1432H

**SPP UPSI BIL. 9 TAHUN 2011**

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**KEMUDAHAN KAD NAMA (BUSINESS CARD)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, pihak Universiti meluluskan penggunaan kemudahan kad nama kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) manakala Kakitangan Akademik, hanya pegawai yang memegang Jawatan Pentadbiran sahaja yang dibenarkan. Kakitangan bukan akademik yang bukan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional tetapi berada pada Gred 27 ke atas yang merupakan pegawai pentadbiran tertinggi di Pusat Tanggungjawab (PTJ) juga dibenarkan menggunakan kemudahan ini demi menjaga imej dan nama PTJ berkenaan.

3. Maklumat yang perlu ada pada Kad Nama adalah seperti berikut:

- i. nama dan jawatan pegawai;
- ii. nama dan alamat organisasi/pusat/jabatan/bahagian/unit;
- iii. nombor telefon, faks dan emel pejabat; dan
- iv. maklumat-maklumat yang perlu

4. Percetakan Kad Nama adalah tidak melebihi 30 keping pada kadar maksimum RM1.00 sekeping. Seboleh-bolehnya setiap PTJ membuat tempahan kad nama secara pukal supaya lebih menjimatkan dan mengikut rekabentuk kad nama yang seragam seperti yang dilampirkan.

5. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/2011 berkaitan perkara ini dilampirkan dan pekelling pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN GEMILANG MENUJU WAWASAN”

Yang benar,

(DATO' RUSLEY BIN TAIB)  
Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k Y. Bhg. Dato' Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)